


MSO
MOHD SAYUTI OMAR



NOKTAH.
SEBUAH
PENANTIAN
ANWAR PM 10

KEMELUT PASCA PIRAUM KE-15



MALAM IV

**Selimutlah aku
dengan kehitamanmu
menutupi setiap resahku
melindungi setiap dukaku.**

**Peluklah aku
dengan sepimu
membuang rawanku
memadam sesalan lalu.**

**Malam bukalah
dadamu setenangnya
biar kujaringkan mimpiku
di situ.**

Medan
23 Februari 1982.



**NOKTAH.
SEBUAH
PENANTIAN
ANWAR PM 10**



9/16/2023
L12
PM 5

NOKTAH. SEBUAH PENANTIAN

ANWAR PM 10

MSO

MOHD SAYUTI OMAR
PUSTAKA PERDANA



1013327



2023

7281284

NOKTAH. SEBUAH PENANTIAN

ANWAR PM 10

© Mohd Sayuti Omar
TM/BP/01-23 (56)

Penerbit
TINTA MERAH (000825823-V)
55, Jalan Wangsa Siaga 1,
Wangsa Melawati,
53300 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Sayuti Omar

NOKTAH. SEBUAH PENANTIAN : ANWAR PM 10 / MOHD SAYUTI OMAR.

ISBN 978-967-26438-1-4

1. Anwar Ibrahim, Dato' Seri, 1947-.
2. Prime ministers--Malaysia.
3. Malaysia--Politics and government.
4. Political culture--Malaysia.
5. Political parties--Malaysia.
6. Politicians--Malaysia.

I. Judul.

923.2595

Cetakan Pertama Januari 2023

Cetakan Kedua Mac 2023

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada kandungan dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara fotokopi, rakaman, elektronik, mekanik atau lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

Font: Abobe Caslon 12/16 pt

Rekabentuk Kulit/Aturhuruf
Fadhlan Rahim

Foto

Laman Facebook Anwar Ibrahim

Pencetak

Firdaus Press Sdn Bhd
No. 28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor

Dedikasi

"Kepada semua pejuang reformasi khususnya mereka yang telah pergi sebelum menyaksikan dan mengecapi KEMENANGAN ini. Buku ini ISTIMEWA untuk semua pembaca setia buku-bukuku, dan buat isteri, anak-anak dan menantu serta cucu, penghibur hidup ini."



**Arabella Sheraton
Grand Hotel**
München

Assalamualaikum, *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*
Sdr Sayuti semoga
sdr tetap menanti.
Itu membuat
menjelaskan isu dengan
memuaskan.

Tk

Nota usang daripada Anwar Ibrahim

"Sdr Sayuti seperti
biasa karya sdr tetap
menarik dan membantu
menjelaskan isu
dengan memuaskan.
Tk. Munich."

Munich



KANDUNGAN

SALAM PENERBIT	ix
PEMBUKA BICARA:	
SUARA BATIN PENULIS	xi
KRONOLOGI KEMELUT PASCA PILIHAN RAYA KE-15	xix

BAHAGIAN SATU [1]

BAB PERTAMA	
PIRAUM KE-15 YANG SUKAR DIRAMAL	2
BAB KEDUA	
NOKTAH SEBUAH PENANTIAN	13
BAB KETIGA	
MENUNGGU KEPUTUSAN, MENANTI TITAH	23
BAB KEEMPAT	
INDIVIDU DI SEBALIK TABIR	37
BAB KELIMA	51
KEUPAYAAN PN MENGEJUTKAN	51
BAB KEENAM	
FAKTOR KEMENANGAN PAS	57

BAHAGIAN DUA [2]

GAMBAR PERISTIWA ANWAR BERKEMPEN, ANGKAT SUMPAH JADI PM DAN KEGIATAN MUTAKHIR	65-96
--	-------

BAHAGIAN TIGA [3]

CATATAN DARI FACEBOOK MOHD SAYUTI OMAR II	97-222
--	--------

BAHAGIAN EMPAT [4]

CATATAN DARI BLOGSPOT MERAH TINTA

BAHAGIAN I

Nilai hasil hutan di Kelantan lebih besar dari royalti?	224
Bangkitlah bersama Husam demi Kelantan	230
Keinginan rakyat Kelantan untuk tukar kerajaan disia-siakan	240
SaveKelantan wadah bela rakyat dan negeri Kelantan	247
Pas Kelantan boleh tumbang jika para pembela sepakat	254
Harapan PH di Kelantan dan Terengganu masih kabur	260

Rakyat Kelantan bersemangat untuk tumbangkan Pas	267
Belum tentu Pas kuasai Kelantan	275
Apakah sejarah 44 tahun lalu berulang di Kelantan?	282

BAHAGIAN II


Pirane Johor: Jangan mati beramai-ramai hidup berasingan	289
PH terus jadi Pakatan Hancing walaupun sudah hilang kerajaan	295
Kita tidak ada semangat patriotisme	304
Politik kita makin tidak dipercayai	307
Akta lompat disokong sebahagian pengkhianat	313
GTA: Gerakan Gila Talak Mahathir dan Ibrahim	320
Gelora rakyat sudah melaut	325
PBM ditubuh untuk pastikan Azmin dilantik sebagai TPM	329
Semua parti perlu sedia pelan khusus hapus rasuah	334
27 kerusi kritikal jadikan Pas, Umno dan Bersatu meroyan	337
Bulan tenggelam di Pantai Barat dan Utara	340
Zuraida buat tekanan demi Azmin Ali	346
Jajaran baru politik selepas pilihan raya	351
"Rakyat Hakim Piraum-15" gerakan politik tanpa parti	357

BAHAGIAN III

Isu Azam Baki: Ismail Sabri perlu letak jawatan	362
Ismail Sabri tidak perlu layan desakan partinya	367
Berikan jawatan presiden bukan PM kepada Ismail Sabri	373
Ismail Sabri sedang diasak oleh tiga fraksi?	377
Kedudukan Ismail Sabri dalam bahaya?	382

BAHAGIAN IV

Umno dan Pas, putus sudah kasih sayang	385
Dongeng itik patah kaki dengan berudu	391
Pas jangan terus biarkan Hadi jadi Kaduk	394
Tajuddin Rahman terbalikkan tong sampah Umno	400
Pas terpaksa buat keputusan yang berat	406
Apabila Zahid sudah berlunak dengan Pas	409
Umno perlu bersama PH dan SaveKelantan	413
Najib imam yang baik tetapi solatnya terbatal	420
Dua veteran Umno tidak yakin BN akan menang	423



BAHAGIAN V

Anwar perlu berani dan tegas kembalikan kekuatan	426
Perebutan jawatan dalam Keadilan jangan ulang peristiwa 2018	429
Keadilan kembali ke landas reformasi	433
Anwar adalah sebuah tugu kepimpinan berintegriti	440
Kongres Nasional PKR ke-16 memulih dan memantapkan parti	443
Anwar tidak perlu peduli strategi Pas	449
Rapat Mega KEADILAN warm-up untuk pilihan raya	452

BAHAGIAN VI

Sementara menanti kubur besar siap di Johor	460
Pirane Johor : Siapa akan jadi MB?	464
Pirane Johor pengajaran buat oposisi	473
MB Johor, lain dicadang lain dilantik	480

BAHAGIAN VII

Panggilan terjah daripada seorang kawan	484
Perbezaan Najib dengan Anwar Ibrahim	489
Seandainya Najib ke penjara?	492
Sumpah laknat sumpah terdesak	496
Semua gabungan tidak mantap untuk hadapi pilihan raya	498
Kesan dan implikasi ekor Najib terhukum	506
Parti mana hendak disokong?	511
Mengapa tutup mata melihat realiti Anwar?	517
Politik Dajjal tidak perlu bawa ke Sabah dan Sarawak	520
Harapan Zahid tidak kesampaian	525
Parlimen bubar, pisau kuasa ditangan rakyat	528
Musa Hitam pilih Anwar sebagai perdana menteri?	533
Rahsia Dr Mahathir mahu menjilat ludahnya?	536
Politik banjir kepala air di Kedah	541

BAHAGIAN VIII

Menanti titah Yang di-Pertuan Agong	545
Selesai kemelut dengan formula Hang Nadim dan Muhammad	549
Agong perlu tegas beri perkenan kepada Anwar	554
Anwar PM ke-10	559
Kebahayaan Pas dalam politik Malaysia	561
Asas dan konsep perlu diteliti Anwar bentuk kabinet	567

PENUTUP (STOP RESS)

572

SALAM PENERBIT

Dengan keizinan Allah SWT jua, kami dapat meneruskan penerbitan buku politik semasa walaupun pada masa ini dunia pembukuan tidak serancak dahulu ekoran ledakan teknologi maklumat yang merubah zaman. *E-book* telah mengambil alih fungsi buku cetak yang pernah meriah sebelum ini.

Namun atas kepercayaan buku bercetak (*printed*) masih diminati dan ada penggemar tersendiri kami mengambil inisiatif terus menerbitkan buku sebagai wadah perjuangan walaupun tidak sekerap dahulu.

“Noktah Sebuah Penantian: Anwar PM10 Pasca Piraum Ke-15” adalah buku ke 56 tulisan Mohd Sayuti Omar (MSO) yang membicारा khusus mengenai pergolakan politik menjelang pilihan raya umum ke-15 dan sesudahnya. Buku ini merupakan rakaman setiap detik peristiwa yang berlaku sebelum dan sesudah pilihan raya usai sewaktu pembentukan kerajaan Perpaduan.

Hampir semua peristiwa itu diikuti rapat oleh penulis yang mencatatnya secara kronologi dari jam ke jam dan hari ke hari bermula semasa kempen pilihan raya umum ke-15 sehinggalah YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim mengangkat sumpah sebagai perdana menteri 24 November 2022.

Buku ini istimewa dan sedikit kelainan berbanding buku-buku terbitan kami sebelum ini. Dua bahagian dalam buku ini merupakan catatan dan ulasan MSO yang disiarkan dalam blog Merah Tinta (msomelayu.blogspot.com) dan *Facebook* MSOii. Sebanyak 60 artikel terpilih dikutip daripada blog dan 93 catatan dalam *Facebook* yang relevan dengan buku ini. Susun atur buku ini juga sedikit berbeza.

Buku ini jadi menarik kerana divariasi dengan 153 keping gambar berwarna disekitar kempen pilihan raya PH, *Jelajah Mega* di seluruh negara, hinggalah rakaman upacara angkat sumpah Perdana Menteri ke-10 dan gambar saat-saat YAB Datuk Seri Anwar melakukan *clock-in* di pejabatnya.

Di atas cuplikan gambar-gambar ini daripada pelbagai media sosial milik YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim dan sumber lain kami ucapkan terima kasih dan mengalungkan bunga budi buatnya.

Atas kejayaan menerbitkan buku ini kami mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang memberi semangat dan terus menyokong penerbitan kami. Sesungguhnya anda sekalian menjadi inspirator buat kami. Semoga buku ini ada manfaatnya. Selamat membaca.

Salam hormat.

TINTA MERAH,
Kuala Lumpur.
25 Disember 2022

PEMBUKA BICARA

SUARA BATIN PENULIS

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Syukur Alhamdulillah di atas kemurahan Allah SWT memberikan taufik dan hidayah, syir dan tajalli kepada saya untuk terus menulis menyampaikan sesuatu yang terbit dari batin nan suci. Semoga apa yang terilham daripada Nur-Nya berguna untuk manfaat semua. Semoga sepanjang penulisan ini saya dilindungi oleh Allah SWT dari segala macam godaan dan gangguan serta diberikan rahmat dan keberkatan.”

HUTANG janji saya dengan dunia yang mahu melihat Anwar Ibrahim jadi Perdana Menteri sudah pun terlunas pada 24 November 2022 lalu. Syukur Alhamdulillah, Tuhan Rabbul Izzati telah memenuhi apa yang saya doakan siang malam selama ini. Saya percaya demikian juga dengan mereka yang lain.

Tepat jam 5:05 petang, 24 November 2022 Anwar mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-10 di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang berlangsung di Dewan Singgahsana Kecil, Istana Negara, Kuala Lumpur.

Saya menarik nafas lega dengan peristiwa itu. Saya percaya dan yakin bukan sahaja saya, tetapi ribuan, malahan jutaan rakyat Malaysia lain juga menanti untuk melihat tokoh yang kesekian lama didambakan untuk jadi perdana menteri, menarik nafas lega dan bersyukur atas takdir yang terpahat. Mereka yang merindui Anwar untuk jadi Perdana Menteri mezhahirkan kesyukuran dan melakukan sujud syukur mendalam atas apa yang berlaku.

Penerimaan dan “peraian” itu jelas apabila rakyat menyatakan kesyukuran dengan pelbagai ragam dan cara. Ada yang mengucapkan tahniah sesama sendiri dan menzahirkan rasa gembira dalam medsos. Ada yang mencukur rambut botakkan kepala dan berpuasa sunat sebagai melepas nazar. Ada yang mengadakan kenduri menjamu rakan, keluarga dan sebagainya. Apa yang terpancar itu menjelaskan kesyukuran dan kegembiraan rakyat. Semua mengalu-alukan penobatan Anwar sebagai perdana menteri. Mereka membuat apresiasi untuk diri mereka sendiri dengan pelbagai cara. Ada banyak air jernih tumpah dari telaga ainul menyirami rahmat atas terlantiknya Anwar sebagai perdana menteri.

Sebelum ini sudah ramai penasaran menunggu Anwar untuk jadi perdana menteri. Apabila detik yang membahagia itu melabuh di laman diri yang diluar dugaan ramai berasa terharu, sebak dan bingung persis berada alam di atmosfera tidak percaya apa yang berlaku. Benarkah Anwar sudah jadi perdana menteri?

Betapa tidak dalam saat kita sudah hilang keyakinan tiba-tiba takdir itu berlaku menjadikan ia sebagai sebuah bunga-bunga tidur cukup indah dan membahagiakan. Keindahan dan keberertian sekuntum bunga itu akan bertambah jika wangiannya merebak menakluki segenap ruang alam. Begitulah apa yang boleh dilukiskan betapa indah dan bahagiannya terhadap apa berlaku kepada Anwar.

Di sinilah membuktikan sesungguhnya kalau Allah menghendaki sesuatu itu berlaku, cukup bagiNya berkata "*kun fayakun*". Apabila Allah berkata demikian tidak ada kuasa dan kudrat boleh mencegahnya. Mungkin mereka yang cemburu dan berusaha keras menghalang Anwar daripada menjabat jawatan itu selama ini kecewa dan geram dengan apa yang berlaku. Insaflah sesiapa pun tidak mampu menolak takdir Allah.

Diberi kemudahan.

Sesungguhnya dalam kepayahan Anwar untuk menjabat jawatan itu, tetapi di sisi ghaib beliau diberikan laluan mudah yang tidak pernah terfikir oleh umum. Bayangkan, negara ini dibanggakan sebagai negara orang Melayu, logiknya Anwar perlu mendapat dukungan Melayu baru beliau boleh jadi PM. Atas hakikat itu sebelum ini ramai orang berpendapat termasuk sarjana dan penganalisis politik Anwar tidak mungkin akan jadi PM selagi beliau berkawan dengan DAP. Ertinya beliau memerlukan sokongan Melayu untuk jadi PM di negara Melayu. Tanpa sokongan Melayu ia amat mustahil untuk capai cita-citanya itu. Manakala untuk mendapat sokongan Melayu beliau perlu meninggalkan DAP.

Namun Anwar berpegang kepada prinsip politik *multi racial*nya. Beliau yakin dan percaya formula untuk membangun

negara ini mesti bersatu padu. Kemanusiaan Anwar menguasai kepercayaan dan aksi dan anutan politik lapok rakyat negara ini.

Beliau tidak pernah kecewa atau *give-up* dengan dasar dan prinsip bahawa semua bangsa di negara ini adalah “bangsa” atau kaumnya.

Ungkapan falsafahnya; “*Anak Melayu anak saya, anak Cina anak saya, anak India anak saya, anak Kadazan anak saya, anak Dayak anak saya, anak Siam anak saya*”, menunjukkan betapa padunya Anwar dengan prinsip politik *multiracial*nya. Beliau sesekali tidak berkompromi dengan apa-apa formula atau pendekatan selain dari itu.

Dalam pilihan raya lalu 11% sahaja PH meraih undi daripada Melayu, manakala selebihnya boleh dikatakan menolaknya. Tetapi dengan angka itu beliau akhirnya menjadi PM. Bukankah ini sesuatu yang magik dan aneh? Paling mengujakan lagi, dengan peratus sokongan Melayu relatif rendah itu, beliau diberi perkenan pula oleh Yang di-Pertuan Agong selepas bermesyuarah dengan Raja-Raja Melayu untuk melantiknya sebagai perdana menteri. Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu adalah kuasa tertinggi dalam menentukan seseorang untuk dijadikan perdana menteri. Apabila ini berlaku kepada Anwar, bukankah itu suatu mukjizat bagi Anwar.

Bukan itu sahaja yang mengejutkan. Mereka selama ini menjadi musuh atau memusuhi Anwar juga boleh bersatu untuk mengangkat sebagai PM10. Tidak siapa dapat menduga parti Umno dan BN yang memusuhinya boleh *cease fire* untuk bersama PH bagi membolehkan Anwar jadi PM.

Begitu juga dengan sikap ditunjukkan DAP yang terbuka dan *tasamuh* tidak menuntut yang bukan-bukan semata-mata untuk melihat Anwar jadi PM. Parti Cina itu mengeneppikan kemenangan besarnya dan sedia melupai ketegangan dengan

UBN selama ini hanya kerana ingin melihat Anwar jadi PM. Sebelum ini dunia tahu kedudukan atau keadaan DAP dengan Umno yang sentiasa tegang, tidak melampau kalau dikatakan hubungan mereka seperti Palestin dengan Israel.

Namun demi Anwar DAP sedia berkorban. Sebenarnya perubahan kepimpinan dalam DAP yang dipimpin oleh Anthony Loke kini telah renovasi parti itu ke arah lebih terbuka waras dalam memahami citarasa orang Melayu dan Islam di negara ini. Perubahan dilakukan oleh parti itu bukan sahaja patut dipuji bahkan dituruti.

Tanpa perubahan, persefahaman dan pengorbanan itu semua, Anwar tidak mungkin akan dinobatkan sebagai PM10.

Selesai Tanggungjawab.

Tertunainya janji itu maka tanggungjawab saya yang dianggap bermimpi sepanjang malam 24 tahun lalu sudah selesai kerana mimpi dan cita-cita itu untuk memastikan Anwar menjadi perdana menteri sudah tamat. Penantian selama bertahun sudah noktah. Sebelum ini saya mengatakan cukup kalau Anwar jadi PM sehari bagi memuaskan hati dan dendam kesumat saya untuk melihat beliau jadi perdana menteri. Kerana memandangkan betapa sulit dan sukarnya untuk beliau berada di situ, maka saya menegaskan cukup kalau kesempatan itu diberikan kepadanya walaupun sehari untuk menghilangkan haus kempunan saya. Tempoh atau kesempatan itu cukup untuk dijadikan bukti kepada mereka yang meragui saya selama ini.

Dalam penantian untuk melihat Anwar jadi PM ini bukan sedikit orang yang menyindir dan perli saya, apabila saya *istiqamah* meyakini Anwar akan jadi perdana menteri. Lebih

mengecewa dan menyesalkan ada menganggap saya sebagai si Pungguk yang merindu bulan.

Mengenai hasrat saya itu, saya pernah mengucapkan kepada Anwar sendiri sekiranya saya mati ketika beliau tidak bergelar perdana menteri, mata saya tidak akan tertutup rapat. Begitulah betapa besarnya pengharapan saya untuk melihat beliau menjadi PM. Apakah itu suatu ketaksuban atau pun sebuah pengharapan tersangat tinggi daripada seorang marhaen seperti saya. Saya tidak tahu? Anwar tidak berkata apa hanya menggeleng kepala tatkala saya melafazkan itu.

Penuh yakin.

Dalam keresahan menanti beliau jadi PM saya penuh yakin bahawa beliau akan mencapai kedudukan itu suatu hari nanti berdasarkan kepada firasat dan bisikan hati kecil saya. Hal ini tidak mudah untuk dimengerti oleh umum. Ada beberapa tanda dan keyakinan itu, dan sudah pun berlaku seperti mana diyakini sebelum ini. Walaupun firasat atau tilikan itu sesuatu yang tidak boleh diyakini kerana bercanggah dengan prinsip keimanan dan pegangan (akidah) serta ditolak oleh anti *paranormal* tetapi ia adalah petanda berdasarkan pengecaman. Firasat adalah sebahagian daripada ikhtiar dan usaha untuk mendapat sesuatu yang sudah ditakdirkan. Dalam kata lain, firasat itu berpandukan kepada sejarah, pengalaman dan rasa hati, diperingkat *kul hal ku yakin*.

Semasa bersalam dengan beliau sewaktu pilihan raya, Port Dickson (Oktober 2018), saya membisikkan kepadanya; “*Insyaa-Allah Pak Shiekh akan jadi PM. Ini tandanya,*” ujar saya sambil memegang jarinya. Jari jemari Anwar gemuk dan berisi

di mana mengikut petua dan ilmu orang tua-tua ia seorang yang beruntung atau bertuah. Mungkin petua ini dianggap karut, tetapi saya tidak meremehnya setidak-tidaknya untuk menyedapkan hati dalam menantinya menjadi perdana menteri.

Sudah lama saya melihat anggota fizikal beliau yang satu ini yang memberi petunjuk beliau ada tuah untuk jadi orang besar. Alhamdulillah selepas kira-kira empat tahun menzahirkan hal itu dan 24 tahun memperjuangkannya, beliau kini bergelar PM. Mungkin kebetulan?

Selain itu ada beberapa telahan dan firasat saya yang lain terhadapnya yang terbukti dan menjadi kebenaran. Pertama tahun 1996 saya meramalkan beliau akan dipecat daripada Umno. Ramalan itu berlaku 3 September 1998, dua tahun kemudian apabila beliau disingkir dari Umno berserta jawatan Timbalan Perdana Menteri dan sebagai Menteri Kewangan dengan penuh sadis. Apa yang menjadi keyakinan saya dengan rasa itu ialah melihat perbezaan idealisme di antara beliau dengan Dr Mahathir Mohamad.

Perbezaan ini menyebabkan beliau dari firasat saya beliau tidak betah untuk bersama Dr Mahathir. Pemikiran atau idealisme di antara keduanya bertentangan di antara satu sama lain yang menjadikan mereka tidak serasi dari segi pemikiran dan idealisme. Perbezaan jelas ialah dari segi iltizam dan kaedah untuk membangunkan negara dan rakyat. Anwar meletakkan kepentingan rakyat lebih utama daripada kepentingan atau kemajuan duniawi. Falsafahnya, *negara adalah untuk membela rakyat, bukan rakyat menjadi hamba untuk membangun negara dan menyanjungi golongan kapitalis*. Pembangunan negara dan kapitalisme tidak ada makna kalau rakyat melarat.

Begitu juga dengan pendekatan atau uslub. Anwar mengambil uslub berpaksikan kepada prinsip dan nilai-nilai agama dan kerohanian. Manakala Dr Mahathir berpaksikan kepada prinsip matlamat menghalalkan cara berwawasan kepada duniawi. Dalam kata lain Anwar berpegang kepada wahyu sementara Dr Mahathir berpandukan kepada akal fikiran, kemanusiaan semata-mata.

Seperkara lagi sewaktu beliau dihukum penjara 1999 selama sembilan tahun atas tuduhan kesalahan melakukan penyalahgunaan kuasa, saya menegaskan beliau tidak akan menjalani penjara genap sembilan tahun dan yakin akan bebas awal daripada itu. Saya menjangka tahun 2004 beliau dibebaskan. Saya cukup yakin berdasarkan rasa hati saya tentang hal itu. Ternyata benar tanggal 3 September 2004 beliau dibebaskan selepas menjalani penjara kira-kira empat tahun sahaja.

Firasat saya itu bukan semua tepat. Tetapi sepanjang 24 tahun lalu sebahagian besar telahan dan penantian saya terhadapnya menjadi kenyataan. Buku saya berjudul **Penjara Bukan Pusara** juga menjelaskan keyakinan itu.

Akhirulkalam saya mengucapkan terima kasih kepada isteri Naimah Yaacob yang tetap setia dan istiqamah menemani saya disepanjang penulisan ini. Tidak lupa juga kepada anak bongsu Mohd Eslah Putra yang ikut membantu.

Wangsa Melawati,
Kuala Lumpur.
21 Disember 2022.



KRONOLOGI KEMELUT PASCA PILIHAN RAYA KE-15

NOTA PIRAUM: 15

Pilihan raya umum (*Piraum*) ke-15 diadakan pada 19 November, setelah pembubaran parlimen pada 10 Oktober 2022. Hari penamaan calon pada 5 November. Sebanyak 43 buah parti parti bertanding yang tergolong dalam gabungan Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH), Perikatan Nasional (PN) Gerakan Tanah Air (GTA), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Warisan, Parti Bangsa Malaysia (PBM) dan bebas. Jumlah calon 945 orang sementara seramai 369 calon hilang wang pertaruhan.

Kedudukan kerusi PH 82, PN 74, BN 30, GPS 23, GRS 6, Warisan 3, PBM 1, KDM 1 dan Bebas 2.

NOKTAH. SEBUAH PENANTIAN

ANWAR PM 10



BAGAIMANA Anwar Ibrahim tidak lelah dan kalah dalam menanti kerusi keramat, jadi perdana menteri, demikian juga dengan MSO tidak pernah lelah dan putus asa menunggu Anwar bertakhta di situ. Wadah menanti Anwar itu ialah menerusi buku-buku dan beribu tulisan berupa ulasan dalam pelbagai media. Dari buku **Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti** (1990) sampailah ke **Noktah Sebuah Penantian** (2022), MSO tidak berhenti menggarap dan menganalisa perjalanan panjang penuh ranjau politik Anwar Ibrahim.

Selepas menegur dan berspekulasi masa depan politik Anwar sebaik menjejak kaki dalam Umno 1982, MSO terus memeriksa pelaluan politik Anwar dan membelanya apabila dikhianati oleh Dr Mahathir Mohamad 1998 dengan bukunya "**Sumpah dan Airmata Reformis Bangsa.**" (1998).

Lebih dua dekad MSO membela dan berdoa mengharap Anwar akan jadi PM, dimana ketika orang lain sudah kecewa dengan masa depannya, namun beliau masih kejam bertahan, meyakini Anwar akan muncul jadi PM.

Kerana terlalu lama menanti timbul juga cemas dalam hati menyebabkan MSO menyoal dan menjelaskan situasi itu kepada yang meragui akan janji-Nya dengan sebuah buku berjudul; **Mengapa Anwar Belum Jadi PM?** (2021).

Sesungguhnya MSO yakin bahawa Anwar tetap akan jadi PM. Menurut firasat Melayu ada tanda yang MSO kesani pada tubuh Anwar tetapi tidak nampak pada orang lain akan "tuah" itu menunjukkan Anwar akan tetap jadi PM.

MSO yakin dengan firasatnya itu, bahawa pemenjaraan Anwar hampir 10 tahun tidak akan mengalah wira bangsa itu. Persilangan kepada peluangnya untuk jadi PM sama sekali tidak menjadikannya berputus asa. Bahawa MSO menyakini Anwar tidak akan mengaku kalah dan berdukacita dengan apa dilaluinya. Justeru MSO menyifatkan penjara bukan tempat menguburkan perjuangan Anwar, terlahirlah buku "**Penjara Bukan Pusara**" (2021) menjadi motivasi dan penawar kepada para pendamba Anwar jadi PM.

Selepas empat tahun MSO menzahirkan keyakinannya itu, tanggal 24 November 2022 ia menjadi kenyataan apabila Anwar mengangkat sumpah sebagai **Perdana Menteri** ke-10 (PM10).

ISBN 978-967-26438-1-4



Semenanjung Malaysia **RM60.00**
Sabah & Sarawak **RM63.00**



Nama MSO atau Mohd Sayuti Omar tidak asing lagi dalam dunia penulisan buku politik. Beliau telah menghasilkan 55 judul buku politik semasa. Selain menulis buku, menjadi blogger, MSO juga sering kali muncul di media elektronik dan internet apabila pandangan dan pendapatnya diperlukan bagi mengulas sesuatu isu. MSO seorang yang tetap berpendirian bebas dan punya prinsip tersendiri.

msomelayu.blogspot.com Mohd Sayuti Omar
 Mohd Sayuti Omar mohdsayutiomar